



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

# KENYATAAN MEDIA

## PUSAT PENYEMBELIHAN AYAM HALAL DI SELAYANG

Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) ingin merujuk kepada laporan di media cetak berhubung isu Penyerahan Memorandum Oleh Penduduk Di Selayang Yang Membantah Pembinaan Pusat Penyembelihan Ayam Halal pada 9 November 2018 yang lalu. Penjelasan bagi isu-isu yang dibangkitkan di dalam Memorandum adalah seperti berikut:

### 1) Kesesakan Lalu Lintas

Dakwaan yang mengatakan kawasan tersebut akan menjadi bertambah sesak ekoran ketiadaan tempat meletak kenderaan adalah tidak benar sama sekali. Reka bentuk bangunan Pusat Penyembelihan Ayam Halal ini akan mempunyai **lebih 700 petak tempat letak kereta awam** di dalam kawasan bangunan tersebut termasuk di Pasar Harian Selayang yang terletak bersebelahan untuk kegunaan pengunjung pasar.

Kelulusan Perintah Pembangunan projek ini telah mengambil kira kajian *Traffic Impact Assessment* (TIA). Sistem penyuraian trafik di kawasan tersebut **ditambah baik dengan pelebaran jalan** yang akan memudahkan pergerakan kenderaan berat keluar masuk, urusan penguatkuasaan dan kawalan keselamatan. Kerajaan Persekutuan juga telah memberi komitmen untuk melaksanakan projek penyuraian trafik dan **penyambungan Jalan Selayang Baru ke Pasar Harian Selayang** sebagai usaha mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas sedia ada pada masa kini.

### 2) Virus Selsema Burung Atau Lain-Lain Virus Yang Berisiko Tinggi

Tujuan utama cadangan pembinaan Pusat Penyembelihan Ayam Halal adalah bagi mengawal penyembelihan dan pemprosesan ayam secara terbuka di pasar-pasar basah sedia ada di sekitar Kuala Lumpur yang berkait rapat dengan **faktor higienik, keselamatan makanan** serta status halal ayam yang disembelih. Melalui Pusat Penyembelihan Ayam Halal di Selayang ini akan membolehkan semua operator kecil-kecilan berpusat dan melaksanakan aktiviti **penyembelihan ayam secara sistematik** serta **mematuhi piawaian** Garis Panduan Pusat Penyembelihan Ayam, Itik dan

Unggas oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) seterusnya dapat mengawal penularan virus selsema burung dan lain-lain virus.

### 3) Pembiakan Lalat Dan Langau

Oleh kerana reka bentuk bangunan Pusat Penyembelihan Ayam ini dibina secara tertutup dengan sistem pendingin hawa, kesegaran ayam yang diproses adalah terjamin. **Sistem kawalan serangga perosak (*pest control*)** secara sistematik turut dilengkapi serta aktiviti pembersihan harian berjadual akan dapat bagi mengatasi masalah lipas, lalat dan tikus. Ini sekaligus dapat mengawal pencemaran udara dan bau busuk di kawasan pasar tersebut kerana **menggunakan *ventilation system*** yang berteknologi moden.

### 4) Tidak Mematuhi Garis Panduan Pusat Penyembelihan Ayam, Itik Dan Unggas

**Semua aspek di dalam Garis Panduan** Pusat Penyembelihan Ayam, Itik dan Unggas di Kawasan PBT **telah dipatuhi sepenuhnya** dan diperakui oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Projek Pusat Sembelihan Ayam ini akan dibangunkan dengan fasiliti yang moden, selamat, bersih serta mempunyai reka bentuk bangunan tertutup. Ianya juga dilengkapi dengan sistem pendingin hawa, sistem kawalan makhluk perosak (*pest control*), loji rawatan air kumbahan dan sistem peparitan.

Isu jarak radius 500 meter adalah subjektif kepada pertimbangan Jabatan Alam Sekitar bergantung kepada kawalan pengudaraan bangunan serta prosedur pembersihan yang dilaksanakan selagi dijamin tidak akan mengganggu penghuni di penempatan di dalam radius tersebut. **Jabatan Alam Sekitar telah memperakui kebolehlaksanaan pembinaan** projek ini walaupun jarak radius pembinaan pusat penyembelihan ayam halal dan kawasan perumahan kurang 500 radius disebabkan oleh pematuhan semua aspek garis panduan tersebut terutamanya dari segi sistem peparitan, penyediaan loji rawatan air, reka bentuk bangunan serta kemudahan, pengudaraan dan pencahayaan, sistem pengolahan *effluent*, pematuhan standard halal, *cold room* dan lain-lain lagi.

### 5) Lambakan Warga Asing

Semua operator penyembelihan ayam ditempatkan di Pusat Penyembelihan Ayam Halal ini perlu mematuhi syarat Utama seperti **tidak menggajikan pekerja warga asing yang tidak sah** atau tidak mempunyai permit. Oleh itu, **penguatkuasaan** bagi menghentikan aktiviti penyembelihan ayam yang tidak berlesen oleh warga asing, premis yang kotor serta kaedah penyembelihan yang diragui akan dapat dikawal.

Kementerian Wilayah Persekutuan berharap penduduk setempat faham dengan jelas akan kepentingan dan keperluan fasiliti ini dibina di kawasan tersebut serta sensitiviti masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan mengenai status ayam halal yang dimakan. Terdapat banyak pusat penyembelihan dan pemprosesan ayam yang diragui kesahihannya walaupun setelah banyak kali pihak kementerian atau badan kerajaan yang lain melakukan siasatan dan penguatkuasaan terhadap premis-premis ini. Ayam-ayam ini menjadi sumber makanan rakyat walaupun ada sesetengah sumber yang diragui bila mana ayam-ayam ini telah bercampur dengan ayam yang diproses secara baik dan halal untuk dimakan. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bertanggungjawab untuk memusatkan fasiliti penyembelihan ayam halal supaya ayam-ayam yang dibekalkan dan diproses dari tempat ini diyakini bersih dan halal - toyyiban untuk dimakan.

Pusat Penyembelihan Ayam Halal ini mempunyai sistem dan fasiliti moden yang berteknologi tinggi, dibina secara tertutup dengan dilengkapi pendingin hawa, kawalan makhluk perosak (*pest control*), loji rawatan air kumbahan dan sistem peparitan yang sistematik, bukan sahaja untuk kepentingan masyarakat setempat, malah untuk keseluruhan warga Lembah Klang. Bagi mereka yang membantah pembinaan Pusat Penyembelihan Ayam Halal ini, Kerajaan menyeru supaya mereka mendapatkan maklumat yang tepat dari pihak Kementerian.

Pengoperasian pusat ini turut dipantau rapi oleh Kementerian dan Agensi Kerajaan yang berkaitan seperti Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Veterinar serta DBKL. Pihak kerajaan tidak mahu penduduk di sekitar kawasan tersebut terus tinggal dan mengurus niaga di dalam kawasan yang kotor, sesak dan membahayakan keselamatan serta kesihatan mereka.

**DATUK SERI ADNAN BIN HJ. MD IKSHAN**

**Ketua Setiausaha**

**Kementerian Wilayah Persekutuan**

**14 November 2018**